

LESEN PREMIS PERNIAGAAN

GARIS PANDUAN UMUM

Garis panduan umum ini merupakan rujukan untuk permohonan lesen yang menerangkan syarat-syarat umum yang perlu dipatuhi bagi tujuan permohonan lesen baru, dan dokumen sokongan pelesenan yang diperlukan daripada agensi berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM PELESENAN

1) Syarat Permohonan

Pemohon perlu memajukan permohonan menggunakan borang yang disediakan dan melampirkan dokumen sokongan yang diperlukan mengikut aktiviti perniagaan.

2) Kadar Bayaran Lesen

- a) Kadar bayaran lesen ditentukan berdasarkan aktiviti perniagaan yang akan dijalankan.
- b) Pemegang lesen akan dikenakan bayaran 20 peratus dari harga lesen bagi tujuan pertukaran nama pemegang lesen, nama syarikat dan jenis perniagaan.

3) Mempamerkan Lesen

Lesen hendaklah dipamerkan di premis berkenaan pada setiap masa.

4) Pencahayaan

Pemohon hendaklah memastikan premis mempunyai ruang cahaya yang anti udara yang mencukupi dan dipasang dengan lampu-lampu yang terang.

5) Kebersihan

Pemohon adalah bertanggungjawab menjaga premis perniagaan dan kawasan persekitarannya supaya sentiasa bersih pada setiap masa.

6) Keselamatan / Halangan

- a) Pemohon hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa.
- b) Menyediakan alat pemadam api serta kotak 'First Aid' yang mencukupi dan boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja.
- c) Semua laluan / lorong, pintu keluar masuk dan tangga hendaklah bebas daripada sebarang halangan.

7) Papan Kenyataan

- a) Masa perniagaan juga hendaklah dicatatkan untuk makluman.

b) Papan kenyataan “TIDAK DIBENARKAN MELUDAH” dan “JAGA KEBERSIHAN” dan “DILARANG MEROKOK” hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.

8) Binatang Peliharaan

Apa-apa binatang peliharaan seperti anjing, kucing, ayam, burung dan sebagainya tidak dibenarkan dibawa masuk atau dipelihara di dalam premis.

9) Papan Iklan Premis

Pemasangan papan iklan di premis hendaklah merujuk kepada garis panduan Lesen Iklan (Papan Iklan Premis).

PERMOHONAN LESEN BARU

Dokumen Yang Diperlukan:

- 1) Borang komposit permohonan lesen perniagaan berharga RM 3.00;
- 2) Salinan Kad Pengenalan pemohon/ passport;
- 3) Salinan pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); Perakuan Pendaftaran (Borang D) yang mengandungi alamat terkini premis/ Perakuan Pemerbadanan Syarikat Persendirian (Borang 9)/ Pendaftaran Pengarah Syarikat (Borang 49), Sijil Pegangan Saham Syarikat (Borang 24)/ Memorandum and Articles of Association (MAA);
- 4) Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Nama Syarikat (Borang 13) jika berkaitan;
- 5) 2 keping gambar berukuran passport;
- 6) Suratkuasa pemohon hendaklah ditandatangani oleh Pengarah (jika pemohon bukan pengarah syarikat);
- 7) Salinan resit bayaran cukai harta premis tahun terbaru;
- 8) Salinan sijil kelayakan menduduki bangunan (CFO)/ Sijil perakuan siap dan pematuhan (CCC) (Borang F);
- 9) Kelulusan ubahsuai bangunan/ Lesen bangunan Sementara (LBS);
- 10) Salinan Perjanjian Sewa Premis/ Tanah Perjanjian Jual Beli (dokumen hendaklah telah disetemkan (Sijil Setem Hasil);
- 11) Salinan Geran / Surat Hakmilik Sementara;
- 12) Lakaran (artwork) papan tanda iklan premis yang telah disemak dan disahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;

13) Gambar hadapan dan dalam premis; dan

14) Dokumen sokongan dari agensi berkaitan mengikut aktiviti lesen yang dipohon.

PERINGATAN

Permohonan yang tidak beserta dokumen sokongan lengkap akan **DITOLAK**.

PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

Pembaharuan lesen hendaklah dilakukan oleh pemohon tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari sebelum tarikh habis tempoh lesen yang sedia ada itu.

Dokumen Yang Diperlukan:

- 1) Lesen asal perniagaan;
- 2) Salinan pendaftaran perniagaan dengan SSM;
- 3) Salinan suntikan Ty2 terbaharu (pengendali makanan);
- 4) Borang kepatuhan;
- 5) Dokumen sokongan dari agensi berkaitan yang masih sah laku (Salinan Permit Barangan Lusuh / Permit Hiburan / Perakuan Pendaftaran TASKA / suntikan Ty2); dan
- 6) Surat tawaran kilang dari kilang/sekolah (Lesen Kantin)

PERMOHONAN PERTUKARAN MAKLUMAT LESEN

(Tukar nama pemegang lesen/nama syarikat/jenis perniagaan atau tambah aktiviti)

Dokumen Yang Diperlukan:

- 1) Surat permohonan pertukaran nama pelesen atau syarikat;
- 2) Lesen asal;
- 3) 2 keping gambar pelesen baru berukuran passport;
- 4) Salinan kad pengenalan/passport;
- 5) Surat kuasa yang ditandatangani pengarah (jika penama lesen bukan pengarah syarikat);
- 6) Salinan Pendaftaran (SSM) yang terbaru (pertukaran nama pelesen/aktiviti perniagaan);
- 7) Borang 13, Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Nama Syarikat (jika tukar nama syarikat);
- 8) Borang 49, Borang 24 (jika tukar nama Pengarah); dan
- 9) Bayaran proses sebanyak RM50.00

PEMBATALAN LESEN

Dokumen Yang Diperlukan:

- 1) Memajukan surat permohonan pembatalan lesen atau mengisi Borang Pembatalan Lesen yang boleh diperolehi di Kaunter Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang.
- 2) Lesen asal perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT Pengerang.

PERINGATAN

PBT Pengerang mempunyai kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT Pengerang 2017 untuk membatalkan lesen yang telah dikeluarkan, walaupun sebelum tamat tempoh sahnya sekiranya didapati perniagaan yang dijalankan melanggar mana-mana peruntukan dalam Akta, Undang-undang Kecil, Perintah atau Arahan-arahan Kerajaan yang berkaitan.

SURAT SOKONGAN PELESENAN

Pemohon perlu mendapatkan surat sokongan pelesenan daripada agensi berkaitan terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan lesen kepada PBT Pengerang bagi aktiviti perniagaan seperti berikut:

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN DIPERLUKAN	AGENSI
1	Semua jenis aktiviti perniagaan kecuali kategori Penjaja	Surat sokongan pelesenan	Bahagian Pelesenan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
2	Perusahaan/industri/stor simpan (Gudang)/proses bahan kimia merbahaya	Surat sokongan pelesenan	Bahagian Pelesenan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JAS)
3	Perusahaan/industri/bengkel yang menggunakan jentera atau mesin	Surat kebenaran memasang jentera	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Johor (JKKP)
4	Perusahaan memproses minyak kelapa sawit	Lesen aktiviti dari MPOB	Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)
5	<ul style="list-style-type: none">• Perusahaan memproses atau membuat makanan/minuman termasuk air batu• Membungkus, mengedar, menjual makanan sejuk beku	<ul style="list-style-type: none">• Perakuan Pendaftaran Premis Makanan	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian

		<ul style="list-style-type: none"> • Pensijilan Good Manufacturing Practice (GMP) 	Kesihatan Malaysia (KKM)
6	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai ubat/ubat Tradisional • Farmasi 	Perakuan Pendaftaran Farmasi	Bahagian Perkhidmatan Farmasi Johor Bahru, Jabatan Kesihatan Negeri Johor
7	<ul style="list-style-type: none"> • Menjual/mengedar/membekal barangan kosmetik/produk kecantikan • Menjual produk makanan kesihatan/herba 	Surat Kelulusan daripada KKM	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia
8	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat kecantikan/persolekan • Kedai gunting rambut • Pusat urut/refleksologi • Perkhidmatan spa 	Laporan Pathology yang telah disahkan oleh doctor perubatan	Pejabat Kesihatan Johor Bahru
9	Menjual makanan/minuman, seperti kedai makan, restoran dan kantin	Perakuan Pendaftaran Premis Makanan	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
10	Menjual arak	Lesen Arak	Pejabat Daerah Kota Tinggi
11	<ul style="list-style-type: none"> • Menjual kenderaan terpakai • Menjual/menyimpan barangan lusuh (gangsa/tembaga/timah/aluminium/besi) • Kedai emas 	Permit Polis	Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (IPD) Daerah Kota Tinggi
12	Menyimpan magazin bahan letupan	Permit Magazin Bahan Letupan	Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (IPD) Daerah Kota Tinggi
13	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat hiburan keluarga • Bowling/Jukebox/Snooker • Panggung Wayang 	Lesen Hiburan	Pejabat Daerah Kota Tinggi
14	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) • Pusat Jagaan/ Pusat Asuhan 	<ul style="list-style-type: none"> • Perakuan Pendaftaran TASKA • Perakuan Pendaftaran Pusat Jagaan 	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (Daerah Johor Bahru)

15	<ul style="list-style-type: none"> • TADIKA • Pusat Pendidikan Kanak-Kanak Pra-sekolah (4-6 Tahun) 	Perakuan Pendaftaran Kindergarten/ Sekolah Asuhan	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
16	Pusat Tuisyen Swasta	Perakuan Pendaftaran Institusi Pendidikan	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
17	Kelas Pengajian Agama Islam/ Al-Quran	Surat Tauliah	Jabatan Agama Islam Johor
18	<ul style="list-style-type: none"> • Panggung Wayang • Menjual / menyewa DVD,VCD,CD 	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen Hiburan Panggung Wayang dari Pejabat Daerah Kota Tinggi • Surat Kelulusan FINAS 	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah Kota Tinggi • Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
19	Perusahaan/perkhidmatan percetakan (kecuali <i>inkjet</i> printing)	Lesen Mesin Cetak	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepenggunaan
20	Pengurup Wang/ kiriman wang	Perakuan kebenaran untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang di Pejabat cawangan	Bank Negara Malaysia (BNM)
21	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Pemberi Pinjaman Wang • Pajak Gadaai 	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen pemberi pinjam wang • Lesen pemegang pajak gadaai 	Kementerian0 Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
22	<ul style="list-style-type: none"> • Memproses sarang burung Walit • Menjual/memelihara haiwan 	Surat kelulusan JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
23	Rumah sembelih haiwan	Sijil Jurusembelih dari JAJ	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) • Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)
24	<ul style="list-style-type: none"> • Pest Control • Racun (Anai-anai/Tikus) • Baja (Kimia pertanian) 	Surat kelulusan daripada Jabatan Pertanian	Pejabat Pertanian Daerah Johor

25	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik • Poliklinik 	Perakuan pendaftaran / perakuan amalan tahunan	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
26	Menjual Beras	Lesen Peruncit Beras	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA)
27	Menjual alat-alat Timbang dan Sukat	Lesen membuat/ membaiki/ menjual alat-alat timbang dan sukat	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
28	Jualan Langsung	Lesen Akta Jualan Langsung	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
29	Hotel/ Hotel Bajet/ Homestay	Pendaftaran Hotel/ Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)
30	Bengkel membaiki kereta/motosikal/lori	<ul style="list-style-type: none"> • Surat sokongan Pelesenan JAS • Surat perlantikan kontraktor pengumpulan minyak hitam (Consignment Note For Scheduled Wastes) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JAS) • Kontraktor berdaftar dengan PBTP
31	Kontraktor Angkat Sampah	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Pendaftaran kenderaan/ • Permit kenderaan • Surat tawaran kilang 	Industri di Kawasan Pengerang yang berkaitan.
32	Kontraktor Pembentungan (Disludging)	Permit Industri Perkhidmatan Air (IPA) Mengikut Kelas	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

GARIS PANDUAN KHUSUS

Garis panduan khusus ini menjelaskan dengan lebih terperinci syarat-syarat pelesenan dan dokumen tambahan yang diperlukan bagi membantu proses permohonan lesen mengikut jenis dan aktiviti perniagaan.

LESEN PERINDUSTRIAN

Dokumen tambahan yang diperlukan:

- 1) Salinan pelan lokasi (Jalan ke tempat perusahaan);
- 2) Carta aliran pemerosesan kerja dalam kilang;
- 3) Salinan Emergency Responsible Plan (ERP); dan
- 4) Surat kontraktor sampah yang dilantik

Syarat-Syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi :

1) Aspek Pelesenan

- a) Pemohon perlu memastikan kesemua dokumen sokongan lengkap bagi memudahkan proses permohonan lesen perniagaan.
- b) Sekiranya pemohon menjalankan aktiviti barang terkawal (racun, bahan letupan, gula, tepung), pemohon perlu mempunyai Lesen barang terkawal daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).
- c) Bagi tujuan mempromosi premis perniagaan, pemohon perlu mempunyai Lesen iklan atau papantanda daripada PBT Pengerang.
- d) Memastikan peniaga dilantik menjalankan perniagaan di kantin kilang mempunyai lesen kantin yang sah tempoh laku daripada PBT Pengerang.

2) Aspek Kesihatan

- a) Pemohon hendaklah membuat rekod kawalan serangga supaya sentiasa bebas daripada serangga atau haiwan yang membawa wabak penyakit.
- b) Sentiasa menjaga kebersihan bangunan (Lantai, Dinding, Siling, Stor, Tandas) daripada sebarang kekotoran, habuk dan debu.
- c) Melantik makmal berdaftar bagi menganalisa air kumbahan setiap bulan.
- d) Pihak perusahaan perlu menjalankan penyelenggaraan atau sedutan tangki septile pada air buangan di kawasan perindustrian mereka.
- e) Sentiasa memastikan persekitaran premis atau perparitan termasuk kantin dalam keadaan bersih.

3) Aspek Alam Sekitar

- a) Pemohon perlu merekodkan bahan-bahan yang disimpan serta mempunyai jadual yang teratur.
- b) Memastikan pengurusan sisa minyak hitam dengan baik dan teratur.

- c) Perusahaan hendaklah bebas daripada pencemaran alam sekitar (bunyi, air, udara, dan bau) yang boleh memudaratkan kesihatan umum.
- d) Cerobong Chimney di kawasan perindustrian mesti berfungsi dengan baik dan diselenggara supaya sentiasa dalam keadaan selamat.

4) Dari Aspek Keselamatan Industri

- a) Memastikan sistem perpaipan berfungsi dengan baik serta selamat untuk digunakan.
- b) Pemohon perlu mendapatkan kebenaran mengguna dan memasang dari Jabatan Keselamatan dan Keselamatan Pekerja (JKKP) sekiranya premis perindustrian ada menggunakan mesin proses.
- c) Kawasan pemprosesan dan stor hendaklah dalam keadaan teratur dan bahan-bahan seperti bahan mentah, bahan bahaya serta hasil kilang hendaklah diasingkan mengikut jenis masing-masing.
- d) Wajib melabelkan dan merekod kesemua bahan bahaya yang digunakan atau yang tidak digunakan.
- e) Pelabelan perlu mengikut ukuran yang dibenarkan daripada JKKP dan melabel mengikut jenis bahan.
- f) Memastikan semua pekerja menjalankan pemeriksaan kesihatan dan mempunyai rekod kesihatan yang teratur.
- g) Pelan tindakan kecemasan mesti mudah difahami dan latihan kebakaran perlu dilaksanakan supaya sebarang kemungkinan akan datang dapat diatasi dengan baik.

LESEN RESTORAN / KEDAI MAKAN / KANTIN / KAFE

Dokumen tambahan yang diperlukan:

- 1) Salinan buku suntikan vaksin Ty2 (pemilik dan pekerja);
- 2) Salinan Surat Tawaran atau Perjanjian Sewa / Salinan Kontrak Kantin;
- 3) Salinan Sijil Kursus Asas Pengendalian Makanan;
- 4) Gambar pemasangan sisa perangkap makanan dan perangkap lalat di premis perniagaan;
- 5) Perakuan Pendaftaran Premis Makanan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) / Pejabat Kesihatan Johor Bahru dan Kota Tinggi;

Syarat-syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi

- 1. Lantai hendaklah dipasang dengan jubin manakala dinding pula hendaklah dipasang dengan bahan yang kalis air dan senang dicuci;
- 2. Pencahayaan minima ialah 215 lux;
- 3. Peredaran udara mencukupi dan bebas dari bau dan hendaklah memasang kipas;
- 4. Ruang premis mencukupi untuk keselesaan pekerja, tempat penyimpanan dan pemprosesan;
- 5. Premis hendaklah dihias dengan reka bentuk yang kemas dan menarik;

6. Tempat mencuci tangan beserta sabun, kain lap, dan pengering hendaklah disediakan;
7. Hendaklah menyediakan tempat habuk rokok dan jika premis berhawa dingin, tempat untuk pelanggan menghisap rokok hendaklah berasingan;
8. Hendaklah meletakkan papan tanda harga yang jelas untuk makanan atau minuman yang dijual;
9. Perniagaan lain yang tiada berkaitan tidak dibenarkan diletakkan didalam premis yang sama;
10. Semua pekerja hendaklah berpakaian bersih dan kemas atau memakai seragam;
11. Semua pekerja dapur dan tukang masak diwajibkan memakai apron yang sesuai, bersih dan menutup kepala;
12. Semua pekerja hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri;
13. Semua pekerja hendaklah bersifat sopan dan mesra kepada pelanggan;
14. Tabiat atau sikap berikut hendaklah dielakkan:
 - a. Menghisap rokok
 - b. Menggaru tubuh
 - c. Berludah
 - d. Membuang hingus
 - e. Membuang kahak
 - f. Menyentuh makanan dengan jari
15. Pekerja tiada infleksi pada tangan, kuku, cirit-birit, dan tidak mempunyai penyakit yang menular.
16. Semua peralatan masak memasak, menghidang makanan dan minuman hendaklah sentiasa bersih dan sempurna.
17. Peralatan yang rosak (sompek, retak, dan sebagainya) tidak boleh digunakan sama sekali.
18. Pinggan mangkuk, cawan, gelas, dan peralatan hidangan hendaklah dicuci dengan bahan pencuci pinggan mangkuk, hendaklah dibilas dengan air bersih. Sabun pencuci kain tidak boleh digunakan sama sekali.
19. Tempat mempamerkan atau menyimpan makanan yang dijual hendaklah sentiasa bersih dan bebas dari habuk dan daki sesuai binaan serta reka bentuknya.
20. Meja yang disediakan hendaklah dari jenis permukaan yang mudah dicuci dan berkeadaan bersih.
21. Dilarang menjalankan kerja-kerja mencuci pinggan mangkuk diatas lantai.
22. Kerusi atau meja dan peralatan perniagaan tidak dibenar diletakkan atau menghalang di kaki lima, bahu jalan dan lorong jalan.
23. Makanan hendaklah ditutup, dilindungi semasa penyimpanan, penyediaan, pameran, pengangkutan dan ditempatkan dalam suhu bilik yang sesuai.

24. Sentuhan tangan kepada makanan hendaklah dielakkan dan dinasihatkan menggunakan sepit, sudu dan sebagainya.
25. Dilarang membungkus makanan dengan kertas surat khabar atau pembungkus yang tidak bersih.
26. Bahan makanan hendaklah dari bahan yang asli, segar, tidak rosak dan luput tarikh. Ruangan penyimpanan bahan makanan hendaklah sentiasa kering, bersih dan kemas.
27. Mempunyai peredaran udara/cahaya yang baik dan tidak sesak.
28. Bebas dari serangga, tikus dan mahluk perosak lainnya seriat menjalankan kerja-kerja kawalan.
29. Semua bahan masak mudah rosak seperti makanan sejukbeku seperti daging, ikan, ayam dan lain-lain hendaklah disimpan dalam peti sejuk beku yang sesuai serta berasingan dari ruang yang membuat air batu untuk minuman sejuk.
30. Makanan yang tidak halal hendaklah menggunakan tempat pemnyimpanan yang berasingan.
31. Gunakan air paip yang bersih sahaja tiada sambungan silang, back low dan back sponge.
32. Jangan menggunakan air yang dibekalkan kepada tandas.
33. Air hendaklah disimpan dalam bekas yang tidak membahayakan kesihatan. (Tong-tong atau bekas yang sudah terpakai seperti tong minyak atau bahan-bahan kimia tidsk boleh digunakan sama sekali).
34. Pembuangan air limbah dan pengaliran hendaklah diselenggara dengan sempurna.
35. Tong dan bekas sampah, cukup bilangan tidak tembus menggunakan beg-beg plastik hitam untuk mengumpulkn sampah dan sisa-sisa makanan.
36. Mengadakan kawalan dan pembasmian tikus, serangga seperti lipas, lalat dan lain-lain seperti memasang perangkap, racun, semburan dan lampu ultra ungu.
37. Semua bahan masak yang mudah rosak seperti makanan sejuk beku seperti daging, ikan, ayam dan lain-lain hendaklah disimpan dalam peti sejuk yang sesuai serta berasingan dari ruang membuat air batu untuk minuman sejuk.
38. Semua pelesen diwajibkan memasang perangkap minyak (grease trap) untuk memerangkap minyak dan sisa makanan dan air kubahan hendaklah dialirkan ke "main sewer".
39. Penyelenggaraan perangkap minyak hendaklah dilaksanakan oleh peniaga setiap dua (2) hari sekali.
40. Kain yang digunakan untuk meja tidak boleh sama sekali digunakan untuk mengesat pinggan mangkuk dan lain-lain alatan.
41. Tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja menyalai dan memanggang daging khinzir ditempat terbuka.
42. Tidak dibenarkan menjalankan atau mengadakan aktiviti hiburan seperti karaoke, nyanyian dan muzik.
43. Tidak dibenarkan meletakkan kerusi dan meja diatas tempat meleta kenderaan / di atas bahu jalan tanpa mendapat kebenaran daripada PBT Pengerang terlebih dahulu.
44. Kenyataan tanda "HALAL" hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

LESEN KEDAI GUNTING RAMBUT

Dokumen Tambahan yang Diperlukan;

1. Surat sokongan daripada Pejabat Kesihatan Johor Bahru; dan
2. Laporan Pathology dan telah disahkan oleh doktor perubatan.

Syarat-syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi

1. Pintu dan dinding cermin bahagian hadapan premis hendaklah dari jenis lut sinar.
2. Dilarang membina sebarang sekatan di didalam premis kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis dari PBT Pengerang.
3. Penjualan atau penyediaan makan minum dilarang sama sekali.
4. Semua pendandan rambut hendaklah mendapat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya setahun sekali.
5. Pendandan rambut hendaklah memakai pakaian kot atau overall yang bersih dan sopan.
6. Sebelum memberi perkhidmatan kepada pelanggan, pendandan rambut hendaklah mencuci bersih tangannya.
7. Pemohon dikehendaki menyediakan senarai daftar bagi pekerja berserta gambar.
8. Premis, perabot, perkakas, dan peralatan hendaklah dijaga dengan bersih, teratur, dan kemas.
9. Hendaklah menyediakan air panas dan sejuk berterusan sepanjang urusan perniagaan dijalankan.
10. Menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) bekas yang sesuai dan bertutup rapat untuk menyimpan kain dan tuala yang kotor dan keratan rambut.
11. Tuala muka, pelindung leher, tuala leher, atau sebarang kain yang menyentuh kulit pelanggan hendaklah sentiasa baru dan bersih.
12. Gunting, sikat, perepang(clippers) hendaklah direndam dengan cecair basmi kuman (disinfectant) selama sekurang-kurangnya tiga (3) minit selepas digunakan.
13. Pisau cukur hendaklah digunakan dari jenis guna sekali (diposable).
14. Hanya krim cukuran untuk kerja-kerja pencukuran. Cawan buih cukuran hendaklah dikosongkan selepas sahaja digunakan bagi setiap pelanggan dan dicuci sepenuhnya dengan air mendidih.
15. Span atau puff bedak tidak boleh digunakan.
16. Menggunakan peralatan berasingan bagi pelanggan yang berpenyakit kulit berjangkit.
17. Hanya dua (2) kerusi baring (Facial) dibenarkan untuk satu lesen kedai gunting bagi menjalankan kerja-kerja rawatan muka.
18. Dilarang mengadakan perkhidmatan urutan pada pelanggan.
19. Dilarang sebarang binatang berada didalam premis.
20. Dilarang mempamerkan sebarang gambar yang berunsur lucah dipremis perniagaan.
21. Tidak dibenarkan mengadakan katil dalam premis perniagaan.

22. Tidak dibenarkan membuat sebarang sekatan dalam apa-apa bentuk diantara kerusi gunting.
23. Tidak dibenarkan mengadakan kegiatan pelacuran dan urut-mengurut diantara lelaki dan perempuan.
24. Tidak dibenarkan mengadakan penjualan minuman keras.

LESEN PUSAT RAWATAN KECANTIKAN/PERKHIDMATAN SPA/PUSAT URUT/REFLEKSOLOGI

Syarat-syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi

1. Lokasi premis hendaklah berada sekurang-kurangnya 300 meter daripada kawasan sensitif iaitu rumah kediaman, rumah ibadat, sekolah, institusi pendidikan dan pejabat kerajaan.
2. Tidak membuat ubahsuai ke atas premis kecuali mendapat kelulusan PBT Pengerang terlebih dahulu.
3. Reka bentuk premis perlulah berkonsep terbuka (tidak ada sekatan berbentuk kekal/konkrit) dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang sempurna. Pemasangan tirai dibenarkan.
4. Pengusaha dan pekerja wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
5. Pekerja yang memberi rawatan urutan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan.
6. Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan memakai tag nama.
7. Pekerja bukan warganegara hendaklah mempunyai permit kerja yang sah dan sijil pemeriksaan kesihatan.
8. Rekod pekerja yang mengandungi nama, no.kad pengenalan / passport, alamat dan gambar hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
9. Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut sahaja.
10. Memastikan perkakas dan atan sentiasa dicuci dan direndam dalam "disinfecting solution".
11. Tidak dibenarkan memasak atau membawamasuk makanan didalam premis kecuali di ruang khas yang disediakan.
12. Pelanggan dibawah umur 18 tahun tidak dibenarkan masuk ke pusat ini.

LESEN PUSAT INTERNET / SIBER KAFE

Syarat-syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi

1. Pusat Internet dan Siber Kafe hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan.
2. Keadaan premis perlulah terbuka (tidak ada sekatan) dengan sistem pencahayaan terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang.
3. Aktiviti yang dibenarkan adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Aktiviti lain khususnya berbentuk hiburan TIDAK DIBENARKAN seperti berikut:
 - a. Permainan video
 - b. Perjudian
 - c. Gambar-gambar lucah
 - d. Muzik (Pipe music)
 - e. Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif.
4. Perkhidmatan internet hendaklah menggunakan laluan yang sah oleh kerajaan.
5. Boleh menyediakan perkhidmatan sokongan seperti:
 - a. Perkhidmatan Photostat
 - b. Mencetak
 - c. Rundingan atau Tunjuk Ajar atau Tutorial
 - d. Alamat E-mail
6. Waktu perniagaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
 - a. Premis Rumah Kedai : 08.00 pagi hingga 6.00 petang.
 - b. Premis Kompleks Beli- belah : 10.00 pagi -10.00 malam.
7. Pengunjung dibawah umur 12 tahun adalah tidak dibenarkan.

LESEN TADIKA/ TASKA

Dokumen tambahan yang diperlukan:

1. Surat sokongan Pejabat Kesihatan Kota Tinggi.
2. Surat Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Tinggi (TASKA).
3. Surat Sokongan Jabatan Pelajaran Johor (TADIKA/Pusat Tusyen).
4. Salinan surat tauliah Jabatan Agama Johor (Kelas Pengajaran Agama Islam).
5. Salinan sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Salinan suntikan TY2.
6. Gambar pemasangan perangkap minyak/sisa makanan/perangkap lalat.

Syarat-syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi

1. Setiap bilik hendaklah mempunyai tingkap minima 10 peratus daripada luas lantai.
2. Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta bewarna cerah seperti lantai jubin, vinyl, epoxy floor, floor hardener atau lain-lain seumpamanya.
3. Dinding hendaklah disudahi dengan bahan kalis air yang senang dicuci dan bewarna cerah.
4. Pagar premis hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak berkarat.
5. Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki yang mencukupi.
6. Semua barang-barang dan peralatan hendaklah berkeadaan baik dan diletak atau disimpan di atas rak, kabinet atau meja yang sempurna.
7. Pengendali makanan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan dan mendapatkan suntikan TY2.
8. Keseluruhan premis hendaklah bebas dari serangga dan haiwan peliharaan.
9. Ruang memasak berasingan ditempatkan di luar premis.

LESEN BENGKEL KERETA/ MOTOSIKAL/ LORI

Dokumen tambahan yang diperlukan:

1. Surat sokongan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor; dan
2. Salinan surat pelantikan kontraktor pengumpulan minyak hitam.

Syarat-syarat Pelesenan Yang Perlu Dipatuhi

1. Perniagaan hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perindustrian sahaja.
2. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat dan mengimpal tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak PBT Pengerang.
3. Dilarang menimbulkan gangguan kepada lalu lintas dan persekitaran.
4. Dilarang membiarkan binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
